

Banjir dikhuatiri jejas persiapan persekolahan

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

KLUANG 20 Dis. - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bimbang keadaan cuaca yang tidak menentu dengan banjir di beberapa kawasan, menjejaskan persiapan sesi persekolahan 2007 yang akan bermula 13 hari lagi.

Kebimbangan beliau itu berdasarkan ramalan hujan berterusan hampir di seluruh negara hingga hujung Januari ini yang memungkinkan berlaku banjir luar biasa terutama di negeri-negeri di Pantai Timur.

Katanya, sejak dua hari lalu, Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang yang tidak dijangka banjir telah dinaiki air terutama di Johor yang setakat ini melibatkan pemindahan kira-kira 28,000 mangsa.

Lebih membimbangkan beliau, tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, bekalan buku teks telah diedarkan ke sekolah di seluruh negara sejak sebulan lalu bagi mengatasi masalah kelewatan yang dihadapi sebelum ini.

"Namun dengan perkembangan semasa, banjir yang melanda akan menyebabkan sesetengah sekolah dinaiki air atau dijadikan pusat pemindahan sementara kepada mangsa terlibat," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sembrong berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada 69 mangsa banjir di masjid Kampung Melayu Mardi, Batu 7, Jalan Renggam dekat sini hari ini. Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Kahang, S. Ramis.

Menurut Hishammuddin, beliau telah mengarahkan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memantau perkembangan banjir di seluruh negara.

"Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah bertanggungjawab memantau dan memberi bantuan pada kadar se-

gera kepada sekolah yang dinaiki air atau dijadikan pusat penempatan mangsa banjir.

"Kita ada tabung yang membolehkan sekolah terlibat dibaik pulih segera untuk melancarkan sesi persekolahan awal tahun depan," katanya.

Beliau seterusnya menarik perhatian walaupun banjir masih melanda selepas sesi persekolahan bermula, tidak bermakna semua kelas di sekolah terlibat akan dibatalkan.

Ini kerana, katanya, bukan keseluruhan bangunan sekolah dijadikan pusat pemindahan sementara bagi mangsa banjir.

Hishammuddin menambah, sebanyak 17 sekolah di Johor iaitu dua sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan 17 sekolah rendah kebangsaan (SRK) dinaiki air dalam kejadian banjir terburuk di negeri ini.

"Sebanyak 47 sekolah pula dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir dengan 17 daripadanya di Muar, Segamat (12), Batu Pahat (10) dan Johor Bahru (enam)," ujarnya.

Di negeri lain, katanya, empat sekolah di Pahang dinaiki air dengan tujuh sekolah lagi dijadikan pusat pemindahan banjir manakala banjir turut melanda tiga sekolah di Negeri Sembilan dan satu sekolah di Melaka.

Di Negeri Sembilan, sebuah sekolah dijadikan pusat pemindahan sementara manakala di Melaka, sebanyak enam sekolah terlibat memberi perlindungan sementara kepada mangsa banjir sehingga mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian akan membuka talian khas untuk memudahkan pelajar terutama dari sekolah yang terlibat dengan banjir, mendapatkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang dijadual diumumkan pada 28 Disember ini.



HISHAMMUDDIN Tun Hussein bersama sebahagian daripada 69 mangsa banjir di Kampung Melayu Mardi, Batu 7, Kluang, Johor, semalam.